



BAHAYA HASAD DENGKI

Pengenalan

Menurut perspektif Islam, penyakit hasad dengki atau dikenali sebagai penyakit rohaniah dikategorikan sebagai unsur-unsur tercela (mazmumah) dan dibenci oleh Allah S.W.T. Justeru itu, Islam melarang penganutnya daripada terpengaruh dengan sifat-sifat negatif tersebut disebabkan ia bukan sahaja boleh mendatangkan kemudarat kepada mana-mana individu terlibat bahkan boleh memberi implikasi yang negatif kepada pembentukan masyarakat umum. Secara normatifnya, penyakit hasad dengki adalah berpunca daripada hati yang didominasi oleh perasaan dendam kesumat dan sifat amarah yang ada dalam diri manusia. Apabila individu manusia tenggelam dalam gelombang lautan hasad dengki ia boleh menjelaskan pertimbangan kewarasan akal dalam melakukan sesuatu tindakan.

Realitinya, apabila diri manusia dikuasai oleh penyakit hasad dengki, ia boleh merosakkan iman seseorang dan secara tidak langsung akan jauh daripada taufiq Ilahi. Sama ada sedar ataupun tidak, kemenangan penyakit rohaniah yang berakar tersebut akan membunuh nilai-nilai murni yang ada dalam diri manusia. Impaknya, elemen-elemen negatif yang berasimilasi dalam hati akan mendorong manusia bertindak dengan cara yang salah dan di luar batasan kemanusiaan meskipun perbuatan membunuh serta perkara-perkara keji yang lain asalkan ia dapat memuaskan tuntutan hawa nafsunya. Atas kesedaran tersebut, Nabi Muhammad S.A.W pernah memberi peringatan tentang bahaya yang timbul akibat daripada penyakit hasad dengki. Sabda Nabi Muhammad S.A.W yang bermaksud:

“Hasad dengki itu memakan (membinasakan) kebajikan, seperti api memakan (membakar) kayu kering.” (Abu Daud dan Ibn Majah)

Daripada mafhum hadis ini dapat difahami bahawa Rasulullah S.A.W menjelaskan bahawa penyakit hasad dengki dianalogikan sebagai api yang akan menghapuskan kebajikan yang dilakukan oleh manusia dengan sekilip mata sahaja. Manusia yang bersifat sedemikian, tidak pernah berpuas hati disebabkan cita-citanya untuk memperolehi sesuatu tidak dapat dicapainya sebaliknya kejayaan tersebut dinikmati oleh orang lain. Hatinya akan merasa puas sekiranya kejayaan yang dinikmati oleh orang lain hilang atau terlepas sebagaimana nasib yang dialami olehnya.

Sejarah hasad dengki

Dalam lipatan sejarah peradaban manusia silam, terdapat banyak kisah tauladan yang memaparkan tentang kebobrokan dan ketempangan penyakit hasad dengki yang boleh dijadikan pedoman dan sempadan kepada manusia. Al-Quran juga telah memaparkan tentang bahaya penyakit hasad dengki yang boleh menjadi racun dan mematikan nilai-nilai fitrah yang subur dalam diri manusia. Sebagai contoh, antara kisah masyhur yang dirakamkan dalam al-Quran seperti peristiwa Iblis dengan Nabi

Adam A.S. Episod edisi permulaan kepada perasaan hasad dengki berlaku disebabkan Allah S.W.T telah memerintahkan kepada para Malaikat dan Iblis tunduk memberi penghormatan kepada Nabi Adam A.S. Perintah tersebut sebagai tanda pengiktirafan dan penghormatan yang telah dianugerahkan Allah S.W.T kepada Nabi Adam A.S. Walau bagaimanapun, Iblis enggan berbuat demikian kerana pada pandangannya pengiktirafan tersebut tidak sepatutnya diberikan kepada Nabi Adam. Oleh kerana keengaman dan kesombongan Iblis mematuhi perintah Allah maka sebagai balasannya dia diusir dari Syurga. Bermula daripada detik peristiwa itu, Iblis telah berjanji dan bersumpah di hadapan Allah S.W.T akan terus menghasut dan memperdaya anak cucu sehingga hari kiamat disebabkan oleh dendam kesumatnya terhadap Nabi Adam A.S. Rentetan daripada peristiwa tersebut, Iblis mula merancang konspirasi jahat untuk mempengaruhi dan menghasut Nabi Adam A.S dan pasangannya Siti Hawa supaya memakan buah yang dilarang dalam taman Syurga iaitu buah Khuldi. Akibat daripada pelanggaran arahan tersebut mengakibatkan Allah S.W.T murka terhadap kedua-duanya dan sebagai balasannya Nabi Adam dan pasangannya diusir dari Syurga lalu diutuskan ke bumi.

Bahaya hasad dengki

Berdasarkan kepada peristiwa tersebut, al-Quran telah memberi isyarat bahawa penyakit hasad dengki boleh memberi impak yang negatif kepada jiwa manusia bahkan perbuatan tersebut dimurkai oleh Allah S.W.T. Hakikatnya, hati nurani yang dibajai dengan cahaya iman akan memberi kesan yang positif kepada perilaku muslim. Kekuatan iman yang dimiliki oleh seseorang individu akan menjadi senjata yang ampuh dalam menghadapi ujian dalam kehidupan. Sebaliknya, hati manusia yang sunyi dari cahaya keimanan akan diisi oleh bisikan hawa nafsu yang sentiasa dipandu oleh syaitan mendorong manusia melakukan perkara yang keji. Kerangka hati budi manusia yang diasaskan oleh unsur-unsur tercela sentiasa akan melahirkan manusia yang buruk akhlaknya dari perspektif keagamaan dan norma hidup masyarakat.

Realitinya, penyakit hasad dengki seringkali menguasai manusia disebabkan hati manusia tidak beriman sepenuhnya kepada kekuasaan Allah S.W.T. Berdasarkan kepada pemerhatian yang dibuat oleh para ulama', simptom yang menyebabkan berlakunya penyakit hasad dengki adalah berpunca dari nikmat yang telah dianugerahkan oleh Allah kepada hambanya. Nikmat tersebut merangkumi harta kekayaan, kebijaksanaan, kesihatan, pangkat, darjah dan sebagainya. Menurut Haji Johari Haji Alias dalam penulisannya bertajuk "Membina Peribadi" beliau menjelaskan bahawa nikmat anugerah Ilahi menjadi punca kepada berlakunya penyakit hasad dengki. Ia boleh berlaku dalam dua situasi seperti berikut:

Pertama, manusia yang mendapat nikmat tersebut akan dibenci oleh pihak yang tidak memperolehi keistimewaan sedemikian. Hati manusia yang dinodai dengan sifat hasad akan gembira sekiranya keistimewaan yang dianugerahkan kepada seseorang hilang atau ditimpa sebarang musibah.



Kedua, manusia yang mempunyai keinginan yang tinggi untuk mendapatkan nikmat seperti yang telah dianugerahkan kepada orang lain tetapi hajat tersebut tidak dicapainya. Oleh kerana impiannya terhalang, bisikan hawa nafsunya sentiasa mencari Jalan untuk melakukan sesuatu untuk memusnahkan dan merosakkan kenikmatan serta kebahagian yang dikehendaki oleh pihak lain. Sememangnya nafsu kebinatangan manusia tidak pernah puas terhadap nikmat yang telah dikurniakan ke atasnya. Atas kepentingan inilah, keimanan yang ikhlas kepada Allah S.W.T menjadi azimat agar tidak dipengaruhi oleh hasutan Iblis yang sentiasa mengintai peluang ke atas kelemahan dan kekurangan yang di hadapi manusia. Kelompongan nilai-nilai kebaikan dalam diri manusia akan diisi oleh nilai-nilai mazmumah dan secara tidak langsung akan mengheret manusia ke lembah yang dinodai oleh dosa. Hati manusia dibaratkan seperti raja, ia akan mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku anggota yang lain dalam membuat keputusan dan melakukan sesuatu perkara. Hati yang digilap dengan cahaya keimanan akan cenderung dan gemar kepada perkara-perkara kebaikan sebaliknya hati yang dipenuhi dengan tompokan sifat tercela akan menggalakkan manusia ke jalan yang salah. Keinsafan tidak wujud dalam kamus dirinya sebaliknya perasaan tidak senang, kegelisahan dan kekecewaan sentiasa membuka-buka dalam kehidupan sehari-harinya.

Dalam konteks keagamaan, para ulama' telah menjelaskan bahawa hukum bagi seseorang membenci atas nikmat yang telah dianugerahkan oleh Allah kepada seseorang dan sentiasa berharap agar nikmat tersebut hilang daripadanya adalah haram. Perasaan tidak puas hati timbul kerana seseorang itu merasakan Allah telah memberi kelebihan kepada orang lain dan tidak kepadanya. Sifat sedemikian berlaku kerana individu tersebut tidak meyakini ketentuan dan kebesaran Ilahi. Mereka tidak menyakini sepenuhnya konsep qada' dan qadar seperti yang dikodifikasi dalam rukun iman. Tambahan lagi didorong dengan perasaan marah, kecewa, putus asa, dendam dan sebagainya akhirnya akan menyuburkan lagi penyakit hasad dengki dalam diri seseorang.

Penyakit hasad dengki akan bertambah parah jika tidak dirawati sepenuhnya. Ini kerana, penyakit tersebut bukanlah seperti konsep sakit demam yang bersifat penyakit zahiriah boleh dirawat oleh para doktor. Penyakit zahiriah mudah disembuhkan apabila simptom penyakit dikesan dan dirawat dengan segera. Sebaliknya penyakit rohani tidak boleh dirawat dengan kaedah perubatan moden atau perubatan herba yang sedia ada. Penawar kepada penyakit hati tersebut hanya boleh disembuhkan dengan petunjuk rabbani yang ada pada al-Quran dan al-Sunnah. Melalui pedoman sedemikian, ruang lingkup hati manusia akan diikat dengan taufiq dan hidayah yang akan membawa sifat-sifat ketenangan, kedamaian dan kebahagian hakiki dalam diri manusia.

Kesimpulan

Sifat hasad dengki merupakan sebahagian daripada penyakit rohani yang amat berbahaya kepada manusia. Ini kerana, manusia yang sering melakukan hasad dengki di cela oleh Allah S.W.T dan akan ditimpa dengan kecelakaan bukan sahaja di dunia bahkan di akhirat. Perbuatan melakukan hasad dengki akan menghapuskan amalan kebaikan yang dilakukan oleh individu yang terlibat dan secara tidak langsung akan menutup qalbu daripada disinari dengan nur Ilahi. Dalam masa yang sama penyakit hasad dengki bukan sahaja merosakkan individu yang terlibat bahkan boleh merosakkan sistem perhubungan dalam sesebuah masyarakat. Sebaliknya, manusia yang didengki oleh saudaranya akan mendapat manfaat akibat daripada perbuatan tercela tersebut. Hal yang sedemikian disebabkan amal kebaikan yang dilakukan oleh pendengki akan dihadiahkan kepada orang yang didengki pada akhirat kelak. Justeru itu, sebagai seorang muslim, kita perlu meyakini secara jazam bahawa setiap nikmat dan rezeki yang diperolehi manusia adalah merupakan ketentuan yang telah tercatat dalam perbendaharaan pengetahuan Allah S.W.T. Manifestasi keindahan budi budi muslim dapat dilihat daripada sifat-sifat kebaikan yang terpancar dari aspek zahiriah dan batiniahnya.

Shuhairimi Abdullah

Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan
Universiti Malaysia Perlis
02600, Jejawi Perlis.